

Hak tempat tinggal akan terhenti jika tempoh eddah telah tamat atau tempoh penjagaan anak telah tamat atau perempuan itu telah berkahwin semula atau jika perempuan itu telah bersalah melakukan perbuatan yang memberahikan secara terbuka (fahisyah). Setelah berlaku salah satu perkara tersebut, suami boleh memohon kepada mahkamah untuk dikembalikan rumah itu kepadanya.

**NOTA PERINGATAN:**

*Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.*

**ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH**

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
WISMA MUJIS, JALAN SEMBULAN  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-257032 088-258549  
FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
WISMA MUJIS, JALAN SEMBULAN  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,  
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT  
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN  
BANGUNAN URUSETIA NEGERI  
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN  
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155  
FAKS:089-670150

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU  
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,  
PETI SURAT 1882  
91043 TAWAU  
TEL:089-765942, 089-760908  
FAKS:089-765942

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT  
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH  
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT  
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU  
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU  
TEL:087-336227, FAKS:087-339980


**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH**

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-253579 FAKS:088-219066



**JABATAN  
KEHAKIMAN SYARIAH  
NEGERI SABAH**

**HAK  
SUAMI ISTERI  
DALAM TEMPON  
PERCERAIAN**





Di antara hak-hak yang boleh dituntut di Mahkamah Syariah selepas sesuatu perceraian adalah seperti berikut:

1. Nafkah eddah
2. Tunggakan nafkah isteri
3. Mut'ah
4. Hak mendapatkan tempat tinggal
5. Harta sepencarian
6. Hak jagaan anak (hadhanah)
7. Nafkah anak

### 1. Nafkah Eddah

Nafkah eddah ialah nafkah yang wajib diberi oleh suami kepada isteri yang diceraikan selama masa berada dalam tempoh eddah raji'e. Nafkah eddah meliputi saraan keperluan asasi mengikut hukum syarak iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal.

### 2. Mut'ah

Mut'ah ialah satu bayaran yang wajib ke atas suami yang diberi kepada isteri yang diceraikan tanpa sebab yang munasabah mengikut hukum syarak. Perceraian yang berlaku disebabkan isteri seperti murtad atau fasakh kerana aib (kecacatan) di pihak isteri atau isteri menuntut fasakh kerana aib di pihak suaminya, maka dia tidak berhak mendapat mut'ah.

Kadar mut'ah boleh ditentukan melalui persetujuan kedua-dua belah pihak. Sekiranya terdapat pertikaian

mengenai kadar ini, mahkamah akan menentukan kadar bayaran mut'ah tersebut.

### 3. Harta Sepencarian

Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri samada secara langsung atau tidak langsung semasa perkahwinan berkuatkuasa mengikut hukum syarak.

Tuntutan harta sepencarian seperti wang ringgit, harta alih, harta tak alih atau apa-apa aset yang dihasilkan atas perkongsian bersama dalam tempoh perkahwinan hendaklah difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah.

### 4. Hak Jagaan Anak (Hadhanah)

Hadhanah bermaksud penjagaan anak-anak yang masih kecil yang belum berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri.

Mengikut hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam yang berkuatkuasa, ibu adalah orang yang paling berhak menjaga anak-anaknya yang masih kecil (di bawah umur 7 tahun bagi anak lelaki dan 9 tahun bagi perempuan). Bagaimanapun keutamaan ini boleh berpindah kepada bapa atau orang-orang lain dalam keadaan-keadaan yang ditetapkan oleh Hukum syarak.

Bagi anak yang melebihi had umur di atas, jika berlaku pertikaian mengenai hak jagaan anak, Mahkamah akan

menentukan berdasarkan pilihan yang dibuat oleh anak-anak tersebut samada hendak tinggal bersama ibu atau bapa.

Tuntutan hak jagaan anak (hadhanah) hendaklah di failkan di Mahkamah Tinggi Syariah.

### 5. Nafkah Anak

Nafkah anak ialah nafkah yang wajib diberikan oleh seorang lelaki (bapa) terhadap anak-anaknya di bawah tanggungjawabnya samada perbelanjaan makan minum, tempat tinggal, pakaian, perubatan dan pelajaran yang munasabah mengikut kemampuannya.

### 6. Tunggakan Nafkah Isteri

Tunggakan nafkah ialah nafkah yang tidak ditunaikan oleh suami kepada isterinya dalam tempoh perkahwinan dan menjadi hutang ke atas suaminya dan wajib dibayar. Tunggakan ini boleh dituntut di mana-mana Mahkamah Syariah.

### 7. Hak Tempat Tinggal

Di bawah seksyen 72 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004 memperuntukkan perempuan yang diceraikan berhak tinggal di rumah di mana dia biasa tinggal semasa dia berkahwin selagi suami tidak mendapatkan tempat tinggal lain yang sesuai untuknya.